

Motorola- rancang labur hingga 1.9b

BH - 3 MAR 2000

Oleh Khairul Anuar Samad dan Nor Liza Ahmad

MOTOROLA Inc, penyedia penyelesaian komunikasi bersepadu dan pengeluaran telefon selular yang berpangkalan di Amerika Syarikat merancang melabur di antara RM9.50 juta hingga RM1.9 bilion di negara ini dalam tempoh lima dan tujuh tahun akan datang.

Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif Motorola, Christopher B Galvin, berkata peruntukan itu bagi membiayai keseluruhan operasi kumpulan, bagi memastikannya terus berdaya saing.

Motorola akan terus memperluaskan segmen pemiagaannya termasuk memberi tumpuan kepada pembangunan melahirkan tenaga mahir dan jurutera perisian tempatan yang bertaraf dunia.

Berikutan itu kumpulan merancang memajukan Pusat Perisian Motorola di Cyberjaya, Selangor. Ketika ini pusat berkenaan yang beroperasi di Kuala Lumpur turut terbabit dalam membangunkan produk rangkaian pintar bagi sistem prasarana tanpa wayar serta rang-

kaian generasi ketiga.

Galvin berkata peruntukan berkenaan juga bagi menjana pembinaan dan pemasangan projek Teknopleks di Pulau Pinang dan memperluaskan operasi pengeluaran semikonduktor Motorola.

"Rancangan menempatkan semula Pusat Perisian Motorola ke Cyberjaya sememangnya sudah dirancang untuk membina keupayaan sebagai pusat perisian," katanya pada sidang akhbar di Petaling Jaya, semalam.

Hadir sama ialah Naib Presiden Eksekutif yang juga Presiden Rantau Asia Pasifik Motorola, CD Tam serta Naib Presiden merangkap Pengurus Negara Motorola Malaysia Sdn Bhd, Datuk Ramli Abbas.

Galvin yang mengadakan lawatan sehari ke Malaysia turut mengidakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pagi semalam.

Pembangunan fasa satu kemudahan

Teknopleks Motorola di Pulau Pinang kini sudah pun disiapkan dengan membabitkan kos permulaan sebanyak RM38 juta.

Ia akan menempatkan 200 jurutera reka bentuk dari bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D), Pengagihan dan Sokongan Pelanggan dan Motorola Energy Systems Group Manufacturing.

Galvin berkata, usaha berkenaan adalah bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat utama pengeluaran dan perisian serta R&D Motoroladi rantau ini.

Usaha berkenaan yang juga sebahagian daripada rancangan pelaburan jangka panjang, turut membuktikan komitmen dan keyakinan tinggi Motorola terhadap suasana pelaburan Malaysia.

Motorola yang memulakan operasinya sejak 27 tahun lalu, adalah antara pelabur asing terbesar di negara ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.8 bilion sehingga sekarang.